



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**21 Oktober 2023
06 Rabiulakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Tujuh nelayan Thailand ditahan ceroboh laut kita
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Maritim tahan 16 nelayan Indonesia ceroboh perairan negara
The Star	• Agro census to chart food policies
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	10	21.10.2023



TUJUH nelayan yang ditahan Maritim Malaysia kerana mencero boh perairan negara.

Tujuh nelayan Thailand ditahan ceroboh laut kita

Kangar: Tujuh nelayan warga Thailand ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kerana mencero boh perairan negara di Kuala Perlis di sini, untuk menangkap ikan kelmarin.

Nelayan berkenaan ditahan dalam tiga bot berpengkalan di Thailand selepas dikesan Maritim Malaysia Zon Maritim Kuala Perlis di tiga kedudukan berbeza iaitu 0.84 batu nautika dari barat Sungai Bahru.

Manakala dua lagi bot nelayan dikesan pada kedudukan dalam jarak yang lebih kurang iaitu 0.4 batu nautika dari barat pesisiran Kuala Perlis.

Pengarah Maritim Malaysia Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, anggotanya mengesan kehadiran ketiga-tiga bot berkenaan ketika melakukan rondaan Op Aman/Op Tiris di sekitar perairan Perlis.

"Ketika ditahan, ketiga-tiga bot nelayan asing sedang menangkap ikan di



ANTARA peralatan yang dirampas.

"Ketika ditahan, ketiga-tiga bot nelayan asing sedang menangkap ikan di perairan negara ini dan hasil pemeriksaan mendapati, bot terbabit berpengkalan di Thailand"

Mohd Hashim Mat Zain

perairan negara ini dan hasil pemeriksaan mendapati, bot terbabit berpengkalan di Thailand. Bot itu dikemudi seorang tekong dan lima orang awak-awak warganegara Thailand berusia antara 13 hingga 47 tahun," katanya, semalam.

Katanya, semua suspek serta rampasan bot dibawa masuk ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	30	21.10.2023

Maritim tahan 16 nelayan Indonesia ceroboh perairan negara

GEORGE TOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Pulau Pinang menahan 16 nelayan warga Indonesia dalam tiga tangkapan berasingan pada Rabu dan Khamis lalu.

Pemangku Pengarah Maritim Pulau Pinang, Komander Maritim S Nak Rong berkata, pada Rabu, Kapal Maritim (KM) Burau menahan sebuah bot nelayan asing di 42 batu nautika barat Pulau Kendi dan menahan lima nelayan Indonesia termasuk tekong.

"Kita turut menahan dua bot nelayan asing di kedudukan 42 batu nautika barat daya Pulau Kendi pada pagi Khamis. Kedua-dua bot dari Indonesia itu diperiksa ketika berada di perairan negara.

"Hasil pemeriksaan awal pada bot pertama mendapati terdapat lima nelayan termasuk tekong berusia lingkungan 18 hingga 60 tahun.

"Sementara pada bot kedua



Lima antara 16 nelayan asing yang ditahan dalam tiga tangkapan pada Rabu dan Khamis lalu.

pula, ada enam orang termasuk tekong berusia antara 27 hingga 41 tahun," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Tambahnya, hasil pemeriksaan mendapati kesemua nelayan gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Ketiga-tiga bot nelayan asing itu juga didapati memasuki perairan Malaysia bagi tujuan menangkap ikan.

"Mereka disyaki melakukan

kesalahan mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan di dalam perairan perikanan Malaysia tanpa permit dari Ketua Pengarah Perikanan Malaysia dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tidak memiliki permit yang sah," katanya.

Menurutnya, kesemua nelayan itu diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Pulau Pinang untuk tindakan lanjut.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL			11	21.10.2023

Agro census to chart food policies

Data vital to help lawmakers formulate better schemes, says Economy Ministry

By MAHADHIR MONIHULDIN
mahadhir@thestar.com.my

SABAK BERNAM: The Agricultural Census 2024 aims to help lawmakers formulate better policies on food security by collating data on agriculture and agrobased industries, says the Economy Ministry.

Its secretary-general Datuk Nor Azmir Diron said the census will involve all agricultural subsectors nationwide such as crops, livestock and fisheries to bring attention to the issue of the nation's food security.

"Preparations for the Agricultural Census 2024 have begun and will involve as many respondents as possible so that lawmakers can formulate better

policies related to agriculture," he told reporters after the World Statistics Day 2023 celebration here.

He also said it is important for the country to rely more on locally-produced food as it currently imports RM40bil worth of food from other countries each year.

Nor Azmir also said Sabak Bernam is being developed into a fisheries and agricultural hub for the country.

"Two large-scale fishing projects have been developed under Sabak Bernam Development Area (Sabda) and the project is expected to create 7,000 jobs in the next 10 years," he said.

Nor Azmir added that the ministry will be launching the Central

Database Hub (Padu) next year which will centralise all government and population data in one website.

"Padu will help the government employ targeted subsidies more efficiently so that more funds can be saved and re-allocated for public and development projects," he said.

He said the government will introduce a progressive wage policy in the second quarter of next year.

Meanwhile, Statistics Department chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin praised the department's achievement of publishing a total of 1,180 data reports as of this month.

"We also launched the

OpenDOSM NextGen platform earlier this year which is a modern website to retrieve statistics produced by the department and other agencies.

"Many interactive visuals are included such as Dashboard Kawasanku, Dashboard Consumer Prices, Dashboard Gross Domestic Product, Dashboard Labour Markets and Dashboard Industrial Production," he said.

World Statistics Day is celebrated every Oct 20 and this year's national theme was "Statistik Nadi Kehidupan" (Statistics are the pulse of life).

This year's celebration included the launching of the Agricultural Census 2024 portal and plans to strengthen the national

statistical system.

Mohd Uzir said statisticians around the country should be celebrated for their work as statistics have the power to convey important data to people.

"This includes personal information, economic activities, the environment and social narratives. It is also important in planning and formulating government policies," he said.

Mohd Uzir said the Air Pollutant Index (API) is a good example of how influential statistics are as many schools were closed after the API reading exceeded 200 in some areas.

"The gross domestic product (GDP) is another important statistic that greatly influences a country's policy," he said.